

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, kehadiran bulan Ramadan amat istimewa kerana dapat mengumpulkan pelbagai kumpulan masyarakat dalam aktiviti keagamaan dan khidmat sosial sekaligus dapat mengeratkan hubungan silaturahmi sesama umat Islam.

"Solat terawih, gotong-royong membuat bubur lambuk, majlis berbuka puasa dan pelbagai lagi aktiviti di bulan yang mulia ini membawa banyak hikmah dalam kehidupan kita kerana dapat menyatukan dan mengumpulkan serta mengeratkan hubungan silaturahmi pelbagai anggota masyarakat," katanya.

Beliau berkata, masyarakat juga perlu mengubah perspektif terhadap majlis berbuka puasa yang diadakan di hotel-hotel yang dianggap membazir kerana ia merupakan majlis yang ditaja oleh pihak tertentu untuk tujuan kebajikan.

"Kita jangan menyalah anggap terhadap majlis berbuka yang diadakan di hotel-hotel, ini kerana terdapat organisasi yang menaja majlis tersebut untuk kakitangan mereka. Ia merupakan sebahagian daripada sedekah dan sumbangan mereka terhadap pekerja di bulan yang mulia ini," katanya sewaktu berucap di Majlis Pelancaran Zakat Fitrah Peringkat UUM di Foyer Canselori, pagi tadi.

Sementara itu, Dr Mohamed Mustafa juga mengingatkan kakitangan universiti ini terhadap kepentingan membayar zakat.

"Kita jangan lupa terhadap kewajipan dalam membayar zakat fitrah kerana mereka yang berkemampuan wajib melaksanakannya untuk membantu insan lain yang memerlukan seperti fakir miskin dan hamba.

"Malah, pada bulan Ramadan juga kita digalakkan bersedekah tidak kira sama ada dalam bentuk wang ringgit mahupun makanan," tambah beliau lagi.

Selain itu, pada majlis berkenaan juga, Pengarah Pusat Islam, Prof Madya Dr Ismail Ishak turut menyampaikan tazkirah Ramadan.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3012/3013/3649
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my